

SYARAT – SYARAT PENGGUNAAN DEWAN SRI PINANG**1. TEMPAHAN**

- 1.1 **TEMPAHAN HANYA SAH APABILA KESELURUHAN BAYARAN SEWAAN DIJELASKAN SEPENUHNYA SETELAH MENDAPAT PEMAKLUMAN PENGESAHAN / KELULUSAN DARIPADA PENYELIA DEWAN SRI PINANG.**
- 1.2 **PENYEWA HANYA BOLEH MEMBUAT TEMPAHAN SEBANYAK TIGA (3) KALI SAHAJA BAGI SETIAP PENYEWA UNTUK TEMPOH 6 BULAN. TEMPAHAN BERIKUTNYA ADALAH TEMPAHAN BERSYARAT DAN PERLU MENDAPAT KELULUSAN DARIPADA PENTADBIR DEWAN SRI PINANG.**
- 1.3 **BAGI PERMOHONAN PADA TARIKH PENGGUNAANNYA ADALAH KURANG 30 HARI DARI TARIKH SEWAAN MAKA TEMPAHAN PERLU DIBUAT MELALUI PENYELARAS SISTEM (DEWAN SRI PINANG) SECARA BERTULIS.**
- 1.4 **KERAJAAN NEGERI BERHAK MEMBATALKAN SESUATU TEMPAHAN TANPA MEMBERI SEBARANG SEBAB PADA BILA – BILA MASA ATAS KEPENTINGAN KERAJAAN NEGERI.**
- 1.5 **PARTI-PARTI POLITIK TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN DEWAN SRI PINANG UNTUK SEBARANG AKTIVITI KECUALI DENGAN KELULUSAN KHAS DARIPADA Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI.**
- 1.6 **MAJLIS MAKAN TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI DIADAKAN DI DALAM AUDITORIUM ATAU LAIN-LAIN KAWASAN YANG TIDAK DIBENARKAN OLEH PENGURUSAN DEWAN SRI PINANG.**
- 1.7 **PENYEWA ADALAH BERTANGGUNGJAWAB MENDAPATKAN KEBENARAN / LESEN / PERMIT YANG SAH DARIPADA PIHAK BERKUASA YANG BERKENAAN SEBELUM MENGADAKAN SESUATU PROGRAM.**

2. BAYARAN SEWA

- 2.1 **PENYEWA WAJIB MENJELASKAN KESEMUA BAYARAN SEWAAN SELEWAT-LEWATNYA 30 HARI SEBELUM PROGRAM DIADAKAN. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN AKAN MENYEBABKAN TEMPAHAN DIBATALKAN.**
- 2.2 **BAYARAN SEWAAN HENDAKLAH DIBUAT DALAM BENTUK WANG TUNAI / BANK DRAF / POSTAL ORDER ATAU KIRIMAN WANG POS (BERPALANG) ATAS NAMA BENDAHARI NEGERI PULAU PINANG. BAYARAN MELALUI CEK TIDAK DITERIMA. SILA DAPATKAN RESIT RASMI PEMBAYARAN SEMASA URUSAN BAYARAN DIBUAT. BAYARAN SEWAAN SECARA ONLINE BOLEH DIBUAT MELALUI E-BAYAR YANG DIINTEGRASIKAN DARIPADA SISTEM eTEMPAHAN.**
- 2.3 **SEGALA BAYARAN DI KAUNTER HENDAKLAH DIBUAT PADA WAKTU PEJABAT SEPERTI BERIKUT :-**
 - **HARI ISNIN – KHAMIS** : 8.00 PAGI – 1.00 PETANG
2.00 PETANG – 5.00 PETANG
 - **HARI JUMAAT** : 8.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI
3.00 PETANG – 5.00 PETANG

- 2.4 **SEBARANG PEMBAYARAN SEWAAN OLEH PIHAK PENGANJUR KEPADA KERAJAAN NEGERI TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN JIKA PIHAK PENGANJUR MEMBATALKAN SEWAAN KURANG DARIPADA 30 HARI DARI TARIKH PENGGUNAAN.**
- 2.5 **KADAR SEWA ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DARIPADA SEMASA KE SEMASA.**

3. CARA PENGGUNAAN

- 3.1 **PENYEWA DIKEHENDAKI MENUNJUKKAN RESIT BAYARAN / SURAT KEBENARAN KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DEWAN SRI PINANG SEBELUM MASUK KE TEMPAT YANG DISEWA.**
- 3.2 **DILARANG MENAMPAL ATAU MELEKAT SEBARANG POSTER, HANDBILL ATAU SEBARANG BENTUK KENYATAAN DI DINDING, DI TIANG ATAU CERMIN.**
- 3.3 **SEBARANG BENTUK PERUBAHAN / SUSUN ATUR, PENGGUNAAN PERALATAN TERMASUK PERKAKASAN ELETRIK HENDAKLAH TERLEBIH DAHULU MENDAPAT KEBENARAN PENYELIA DEWAN SRI PINANG.**
- 3.4 **PEMASANGAN 'BACK DROP' HENDAKLAH DILAKUKAN DALAM WAKTU YANG DITEMPAH DAN HENDAKLAH DITANGGALKAN SELEPAS MAJLIS TAMAT. TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI MEMAKU, MENEBUK LUBANG DAN SEBAGAINYA PADA DINDING ATAU LANTAI AUDITORIUM, BILIK MESYUARAT DAN SEBAGAINYA.**
- 3.5 **PENYEWA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA HADIRIN / PENONTON / PESERTA TIDAK DIBENARKAN DUDUK DITEMPAT LALUAN SERTA MENGHALANG LALUAN.**
- 3.6 **PENYEWA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI MEMPAMERKAN POSTER-POSTER, PATUNG/LEMBAGA YANG BERUNSUR LUCAH DAN KEAGAMAAN SERTA BOTOL-BOTOL MINUMAN KERAS SERTA POSTER-POSTER LAMBANG BERKAITAN DENGAN APA CARA SEKALI PUN.**
- 3.7 **PENYEWA BERTANGGUNGJAWAB MEMAKLUMKAN HADIRIN / PENONTON / PESERTA AGAR TIDAK MEROKOK DAN/ATAU MEMBAWA MASUK MINUMAN / MAKANAN KE DALAM AUDITORIUM, BILIK MESYUARAT DAN SEBAGAINYA.**
- 3.8 **KAIN PEMIDANG (BANNER) HENDAKLAH DICETAK DI DALAM BAHASA MALAYSIA. WALAU BAGAIMANAPUN, BAHASA LAIN BOLEH DICETAK DENGAN TULISAN YANG LEBIH KECIL DIBAWAHNYA. CADANGAN KAIN PEMIDANG INI PERLU DIPERIKSA DAN DILULUSKAN OLEH PENYELIA DEWAN SRI PINANG SEBELUM DICETAK. PENYEWA BERTANGGUNGJAWAB MENGEMUKAKANNYA DALAM TEMPOH TIDAK KURANG DARI 14 HARI SEBELUM PROGRAM. PIHAK PENGURUSAN DEWAN SRI PINANG / KERAJAAN NEGERI BERHAK MENURUNKAN KAIN PEMIDANG YANG DIDAPATI KURANG SESUAI ATAU TIDAK MELALUI PROSES SARINGAN.**
- 3.9 **PENYEWA BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN TEMPAT-TEMPAT YANG DIGUNAKAN SERTA MELARANG ORANG RAMAI YANG TIDAK BERKENAAN YANG BOLEH MENGANGGUGUGAT PERJALANAN PROGRAM. PENYEWA ADALAH DIGALAKKAN MENDAPATKAN KHIDMAT KESELAMATAN PASUKAN RELA JIKA MELIBATKAN PROGRAM YANG MEMERLUKAN PENGAWASAN DAN KEPERLUAN LAIN DARI ASPEK KESELAMATAN.**

- 3.10 **PENYEWA HENDAKLAH MENDAPATKAN KEBENARAN SEKIRANYA HENDAK MEMASAK ATAU MEMANASKAN HIDANGAN. MENCUCI / MEMBASUH / MENYEDIAKAN AIS / MEMBANCUH HENDAKLAH DILAKUKAN DI KAWASAN YANG TELAH DIKHASKAN SAHAJA. PENYEWA ADALAH TERTAKLUK PADA SYARAT DAN ARAHAN PIHAK DEWAN SRI PINANG DARI SEMASA KE SEMASA.**
- 3.11 **SEBARANG BENTUK PERHIASAN MENGGUNAKAN BATANG PISANG, BERAS DAN SEBAGAINYA SAMA ADA DI PINTU MASUK ATAU DI KAWASAN PREMIS DEWAN SRI PINANG ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
- 3.12 **PENYEWA DIKEHENDAKI MEMBERSIHKAN / MENGATUR SEMULA KERUSI / MEJA TEMPAT JAMUAN SETELAH DIGUNAKAN. SEGALA PERALATAN / PERKAKAS JAMUAN HENDAKLAH DIKELUARKAN DARIPADA PREMIS DEWAN SRI PINANG SETELAH MAJLIS TAMAT PADA HARI BERKENAAN JUGA.**

4. KEROSAKAN / KEMALANGAN

- 4.1 **PENYEWA HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN KESEMUA PENONTON / PESERTA ADALAH TERJAMIN. SEBARANG KEMALANGAN, KECEDERAAN ATAU KEMATIAN YANG BERLAKU BERSABIT DENGAN PENGGUNAAN TEMPAT – TEMPAT YANG DISEWAKAN TIDAKLAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN NEGERI.**
- 4.2 **SEBARANG KEROSAKAN KEPADA TEMPAT-TEMPAT YANG DISEWA TERMASUK PERABOT-PERABOT DAN PERKAKAS ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB PENYEWA DAN HENDAKLAH DIGANTI ATAU DIBAYAR MENGIKUT NILAI HARGA BARANGAN TERSEBUT. KERAJAAN NEGERI BERHAK MENGGUNAKAN BUDIBICARANYA MENETAPKAN JUMLAH NILAI KEROSAKAN INI.**
- 4.3 **PENYEWA HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DI ATAS BARANGAN YANG DITINGGALKAN DAN SEBARANG KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN TIDAKLAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN NEGERI.**
- 4.4 **KERAJAAN NEGERI TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEBARANG KERUGIAN YANG BERLAKU AKIBAT KEROSAKAN MESIN, KEGAGALAN BEKALAN ELETRIK, KEBAKARAN DAN LAIN-LAIN KEJADIAN, YANG MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN PENYEWAAN ATAU PENUTUPAN PREMIS DEWAN SRI PINANG.**

5. SYARAT – SYARAT TAMBAHAN

- 5.1 **BAGI PENYEWA YANG MENGANJURKAN PROGRAM – PROGRAM KERAJAAN MAKA PEMASANGAN ‘BACK DROP’ HENDAKLAH DI DALAM BAHASA MALAYSIA DAN LOGO KERAJAAN NEGERI / PERSEKUTUAN HENDAKLAH DIPAMERKAN TERTAKLUK KEPADA JENIS PENGANJURAN. PARA 3.8 ADALAH DIRUJUK DAN PENGGUNA ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT INI.**
- 5.2 **PENYEWAI/KATERER HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SEGALA MAKANAN DAN MINUMAN JAMUAN ADALAH HALAL DAN MAKANAN ISLAM (MUSLIM FOOD). MINUMAN KERAS TIDAK DIBENARKAN.**

- 5.3 PENYEWA / KATERER HENDAKLAH SENTIASA MEMASTIKAN **KEBERSIHAN KAWASAN DAN PERALATAN SEWAAN** SEPANJANG ACARA BERMULA HINGGA BERAKHIR.
- 5.4 PENYEWA/KATERER HENDAKLAH MEMASTIKAN SEMUA **SISA – SISA MAKANAN TIDAK DIBUANG** KE DALAM **SINKI / MANGKUK TANDAS / PERSEKITARAN BANGUNAN**
- 5.5 SEMUA **SISA MAKANAN** HENDAKLAH **DIBUANG KE DALAM TONG-TONG SAMPAH** YANG TELAH DISEDIAKAN.
- 5.6 SEMUA PERALATAN MAKANAN HENDAKLAH DIBASUH (JIKA PERLU) DITEMPAT YANG TELAH DISEDIAKAN.
- 5.7 SEBARANG PERALATAN YANG DIPERBUAT DARI POLISTRENA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.
- 5.8 SEMUA KATERER HENDAKLAH MEMATUHI SYARAT-SYARAT DI ATAS. JIKA SYARAT-SYARAT ITU TIDAK DIPATUHI KATERER TERSEBUT AKAN **DISENARAI HITAM UNTUK BEKALAN MAKANAN / MINUMAN DI DEWAN SRI PINANG.**
- 5.9 PENYEWA HENDAKLAH **MEMASTIKAN BAHAWA PENJUALAN TIKET / KEBENARAN MASUK** KEDALAM AUDITORIUM HANYALAH TERTAKLUK KEPADA JUMLAH TEMPAT DUDUK SAHAJA. **PENONTON TIDAK DIBENARKAN DUDUK DITEMPAT LALUAN SERTA MENGHALANG LALUAN.**
- 5.10 SEBARANG UPACARA SEMBAHYANG ATAU PEMUJAAAN ATAU YANG SEUMPAMANYA ADALAH TIDAK DIBENARKAN DI DALAM KAWASAN PREMIS DEWAN SRI PINANG.

PELANGGARAN SYARAT-SYARAT DI ATAS BOLEH MENYEBABKAN PROGRAM BERKENAAN DIBATALKAN SERTA MERTA.